

1023

KEMAHIRAN WAQF DAN IBTIDA' : KAJIAN KES DALAM KALANGAN IMAM IMAM MASJID DI SELANGOR

Muhammad Syafee Salihin Hasan, Mohd Norzi Nasir, Khairatul Akmar Ab. Latif, Abdul
Azis Awang Kechik, Fatin Nazmin Mansor
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
mrsyafee@kuis.edu.my

ABSTRAK

Waqf dan ibtida' adalah disiplin penting dalam pengajian ilmu tajwid al-Quran. Penguasaan dalam disiplin dan memiliki kefasihan bacaan menjadi suatu kemestian kepada setiap imam yang ingin memahami dan menghayati al-Quran. Namun demikian tahap penguasaan mereka dalam waqf dan ibtida' membimbangkan. Kesalahan dalam waqf dan ibtida' memberi implikasi negatif kepada penyimpangan makna pemahaman al-Quran yang sebenar. Kajian ini menjelaskan konsep asas dalam menentukan kesahihan waqf dan ibtida' dan mengenal pasti tahap kefahaman imam dalam ilmu waqf dan ibtida' serta menganalisis faktor-faktor yang menyumbang kepada ketidakpatuhan dalam permasalahan waqf dan ibtida' para imam seluruh masjid di Selangor. Reka bentuk kajian ini ialah kajian kualitatif yang bersifat objektivis, generalisasi dan ektensif yang menggunakan metode temu bual dengan soalan semistruktur, analisis dokumen dan pemerhatian. Data-data kajian dikumpul menggunakan kaedah pengumpulan data secara kualitatif. Tujuh buah masjid dipilih sebagai sampel kajian berdasarkan katogeri yang mewakili sembilan daerah di negeri Selangor. Dapatkan kajian menunjukkan faktor tertinggi ketidakpatuhan para imam dalam waqf dan ibtida' adalah disebabkan faktor kelemahan para imam dalam menguasai kaedah bahasa Arab serta kurang memahami konsep waqf dan ibtida' dengan baik. Para imam di Selangor memerlukan pemantapan dan penamaikan dalam penguasaan dan kemahiran mereka dalam ilmu waqf dan ibtida', terutama bagi mereka yang berada dalam tahap yang lemah supaya dapat meningkat pada tahap sederhana, seterusnya tahap mahir. Hasil analisis mendapati lima cadangan yang dikemukakan oleh informan yang terdiri daripada imam-imam masjid yang dipilih. Cadangan yang diberikan merangkumi pelbagai aspek iaitu dari sudut talaqqi, mengadakan kursus atau seminar, kelas tafsir al-Qur'an, perlu menguasai kaedah bahasa arab, perlu diteliti atau diperhalusi berkaitan waqf dan ibtida', tasmi' dengan guru-guru yang pakar dan mempelajari waqf dan ibtida' dengan lebih mendalam.

Kata Kunci : Al-Quran, Waqf, Ibtida', Imam, Masjid

1. PENDAHULUAN

Waqf dan ibtida' adalah salah satu cabang daripada ilmu al-Quran, iaitu mengenai tempat memberhentikan dan memulakan bacaan. Ilmu ini sangat penting untuk kita dalami dan aplikasikan ketika membaca al-Quran. Sebagaimana Rasulullah s.a.w sendiri diperintahkan untuk membaca al-Quran dengan *tajwid* dan *tartil*, Kemudian Rasulullah s.a.w mengajar ayat-ayat tersebut kepada para sahabat dengan bacaan yang *tartil*. Para sahabat menguasai semua itu seperti yang telah diajarkan malaikat Jibril kepada Nabi Muhammad s.a.w. Diantaranya seperti Ibnu Mas'ud, Zaid bin Thabit dan lain sebagainya (^cAbdul Fattah b Sa'id ^cAjmi, 2009).

Para sahabat r.a adalah orang-orang yang amanah dalam mewariskan bacaan ini kepada generasi umat Islam selanjutnya. Mereka tidak akan menambah atau mengurangi apa yang telah mereka pelajari itu, karena rasa takut mereka yang tinggi kepada Allah s.a.w dan begitulah juga generasi setelah mereka.

2. PERKEMBANGAN WAQF DAN IBTIDA'

Perkembangan ilmu waqf dan ibtida' ini bermula dari zaman Nabi Muhammad s.a.w sepetimana perkembangan ilmu *tajwid* yang lain. Setiap kali turunnya wahyu iaitu al-Qur'an, maka Nabi Muhammad s.a.w akan mengajar kepada para sahabat tentang kaedah pembacaan al-Quran termasuk waqf dan ibtida'. Sepertimana hadith sahih Imam Tirmidhi yang diriwayatkan daripada Ummu Salamah ketika beliau menjawab pertanyaan berkaitan waqf di dalam al-Quran dengan berkata:

كان رسول الله صلى الله عليه وسلم كان يقطع قراءته آية آية (الحمد لله رب العالمين، ثم يقف، الرحمن الرحيم، ثم يقف، وكان يقرأها ملك يوم الدين).

Maksudnya:

“Bahwasanya Rasulullah s.a.w memutuskan bacaannya satu ayat satu ayat (الحمد لله رب العالمين kemudian berhenti، الرحمن الرحيم kemudian berhenti، dan membaca ayat ملك يوم الدين ”)

Hadith di atas menjelaskan bahawa Nabi s.a.w menghentikan bacaan al-Quran pada setiap penghujung ayat. Setelah itu, baginda menyampaikan dan mengajar ayat-ayat al-Quran ini kepada para sahabat sebagaimana baginda menerima wahu daripada Jibril AS. Ini membuktikan bahawa perkembangan ilmu *waqf* dan *ibtida'* bermula seiring dengan turunnya wahu kepada Rasulullah s.a.w.

Para sahabat sangat mengambil berat dalam menjaga *waqf* dan *ibtida'*, terutamanya ketika membaca al-Quran. Mereka mempelajari *waqf* dan *ibtida'* seperti mereka mempelajari al-Qur'an. Menurut Abu 'Amru al-Dani (2006) pembelajaran dan perkembangan *waqf* dan *ibtida'* pada peringkat awal ini hanya dipelajari melalui kaedah *musyafahah* sahaja iaitu sahabat mengambil bacaan al-Qur'an secara talaqqi dengan Nabi Muhammad s.a.w. Tiada lagi karya-karya yang khusus membicarakan tentang ilmu *waqf* dan *ibtida'* pada ketika ini. Keadaan ini berterusan daripada kalangan sahabat dan tabi'in, sehingga sampai zaman pembukuan ilmu *waqf* dan *ibtida'*. (Shaharudin Pangilun 2005).

3. PERMASALAHAN KAJIAN

Waqf dan *ibtida'* sangat penting kerana ilmu ini amat berkait rapat dengan pemahaman makna atau tafsir ayat al-Quran. Kesilapan dalam menentukan *waqf* dan *ibtida'* pada ayat al-Quran akan mendatangkan implikasi negatif dalam memahami ayat al-Quran. Justeru kemahiran *waqf* dan *ibtida'* menjadi suatu keperluan penting dalam melahirkan para imam yang benar-benar memahami dan menguasai ilmu ini. Berdasarkan pemerhatian, didapati tahap penguasaan imam dalam *waqf* dan *ibtida'* amat membimbangkan. Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) tidak mewajibkan syarat untuk menjadi imam adalah seorang hafiz dan memadai dengan mempunyai kelayakan akademik Islam sahaja. Pihak JAIS lebih menumpukan perhatian kepada kursus pengurusan dan pentadbiran masjid sahaja, kurang memberi tumpuan khusus kepada bacaan imam. Perkara ini dibuktikan dengan kurangnya kursus bacaan bagi semua imam masjid dalam meningkatkan kualiti bacaan mereka serta kurang program talaqqi khusus dalam pembacaan ayat al-Quran.

Justeru, kajian ini memfokuskan pada kemahiran para imam dalam *waqf* dan *ibtida'* serta faktor-faktor permasalahan dalam *waqf* dan *ibtida'* yang melibatkan imam-imam masjid terpilih di negeri Selangor. Penyelidikan ini dijalankan untuk mengenal pasti masalah kemahiran imam-imam masjid di Negeri Selangor mengenai penguasaan *waqf* dan *ibtida'* dalam bacaan al-Quran, di samping meninjau tahap kefahaman dan pengetahuan para imam.

4. OBJEKTIF KAJIAN

- i. Menjelaskan konsep asas dalam menentukan kesahihan *waqf* dan *ibtida'* serta kepentingannya dalam pembacaan ayat al-Quran.
- ii. Mengenalpasti masalah kemahiran *waqf* dan *ibtida'* para imam di Selangor dari sudut teori dan pengamalannya.

- iii. Menganalisis faktor-faktor yang dikenal pasti menyebabkan berlaku ketidakpatuhan dalam permasalahan *waqf* dan *ibtida'* dalam kalangan imam di Selangor.

5. PERSOALAN KAJIAN

- i. Apakah konsep asas dalam menentukan kesahihan *waqf* dan *ibtida'* serta kepentingannya dalam pembacaan ayat al-Qur'an.
- ii. Sejauh manakah masalah kemahiran *waqf* dan *ibtida'* para imam di Selangor dari sudut teori dan pengamalannya.
- iii. Bagaimanakah faktor-faktor yang dikenal pasti menyebabkan berlaku ketidakpatuhan dalam permasalahan *waqf* dan *ibtida'* dalam kalangan imam di Selangor.

6. KATOGERI MASJID

Fokus penyelidikan hanya berdasarkan kepada kriteria masjid mengikut katogeri yang ditetapkan oleh JAIS sahaja. Selain daripada imam-imam masjid di negeri Selangor tidak termasuk dalam skop kajian. Pengkaji telah membahagikan katogeri masjid-masjid di negeri Selangor kepada 5 bahagian, iaitu Masjid Kariah, Masjid Daerah, Masjid Diraja, Masjid Naik Taraf dan Masjid Institusi.

Sehubungan itu, kajian dijalankan ke atas 8 buah masjid daripada 9 daerah yang dikira mewakili 5 katogeri majid-masjid di negeri Selangor. Kajian berbentuk tinjauan ini dianggap dapat memberi gambaran tentang imam-imam masjid di negeri Selangor. Masjid-masjid yang terlibat dalam kajian ini ialah:

- i. Masjid Al-Hasanah, Bandar Baru Bangi.
- ii. Masjid Seksyen 7, Shah Alam.
- iii. Masjid Jamek Sultan Abdul Aziz Shah, Jalan Templer.
- iv. Masjid Alam Impian, Shah Alam.
- v. Masjid UNITEN, Kajang.
- vi. Masjid UPM, Serdang.
- vii. Masjid Sultan Sulaiman

Berdasarkan katogeri-katogeri masjid, yang mewakili Masjid Kariah ialah Masjid Al-Hasanah dan Bandar Baru Bangi, yang mewakili Masjid Daerah ialah Masjid seksyen 7, shah alam, yang mewakili Masjid Diraja ialah Masjid Jamek Sultan Abdul Aziz Shah, Jalan Templer dan Masjid Sultan Sulaiman Shah Alam, yang mewakili Masjid Naik Taraf ialah Masjid Alam Impian, Shah Alam, dan yang mewakili Masjid Institusi ialah Masjid UNITEN, Kajang dan Masjid UPM, Serdang. Masjid-masjid ini dipilih kerana berdasarkan beberapa sebab. Antaranya ialah penumpuan besar masyarakat terhadap masjid-masjid tersebut.

7. HASIL KAJIAN

Rumusan kajian terhadap para imam di Selangor berkaitan kemahiran dalam ilmu *waqf* dan *ibtida'* adalah sederhana. Kebanyakan para informan memahami tentang konsep *waqf* dan *ibtida'*, hanya sebahagian sahaja yang tidak pasti dengan soalan yang dikemukakan berkaitan dengan cabang-cabang daripada pembahagian *ibtida'* dan juga maksud *waqf ikhtibari*. Walaubagaimanapun bagi masalah kefahaman *waqf* dan *ibtida'*, keputusan daripada temubual menunjukkan sebahagian besar imam kurang mahir dan tidak jelas berkaitan cara bacaan "بِئْسَ الْأَسْمَاءِ", *ibtida'* pada *ra's al-ayy* dan juga ayat yang mempunyai adat *al-syart*.

Manakala bagi faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya ketidakpatuhan dalam *waqf* dan *ibtida'* pula ialah terjadi apabila imam tidak memahami keseluruhan ayat al-Quran, hafazan kurang lancar, gemuruh dan juga masalah kesihatan. Dapatkan kajian menunjukkan faktor tertinggi ketidakpatuhan para imam dalam *waqf* dan *ibtida'* adalah disebabkan faktor kelemahan para imam dalam menguasai kaedah bahasa Arab serta kurang memahami konsep *waqf* dan *ibtida'* dengan baik.

Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji melalui pembacaan imam semasa membaca surah *al-sajadah* mendapati kebanyakan imam mempunyai suara yang merdu dan mampu mempersempahkan bacaan al-Quran dengan pelbagai tarannum. Walaubagaimanapun, suara yang merdu tidak akan mencapai kesempurnaan bacaan kecuali setelah menepati kaedah bacaan mengikut ilmu *waqf* dan *ibtida'*. Pengkaji mendapati sebahagian imam telah melakukan pelbagai kesilapan dalam *waqf* dan *ibtida'* seperti memisahkan bacaan iaitu *al-Mudaf* tanpa *mudaf ilayh*, *mausuf* tanpa *sifahnya*, *al-Nasib* tanpa *al-Mansub*, *al-Hal* tanpa *sahib al-Hal* dan *khabar* tanpa *mubtada'*. Pengkaji juga mendapati bahawa terdapat sebahagian imam menghentikan bacaan pada kalimah yang tertentu berdasarkan panjang dan pendek nafas mereka. Sebahagian yang lain pula melakukan kesilapan semasa memulakan bacaan al-Quran iaitu memulakan bacaan pada kalimah yang mempunyai kaitan dari sudut tatabahasa Arab.

Selain itu, terdapat juga imam menghentikan pembacaan tidak mengikut tanda *waqf* yang terdapat di dalam al-Quran. Tanda-tanda *waqf* yang terdapat di dalam al-Quran adalah merupakan ijтиhad pada ulama *waqf* dan *ibtida'*. Ulama telah meletakkannya sebagai suatu kemudahan kepada pembaca al-Quran supaya dapat berhenti pada tempat sesuai yang bertepatan dengan makna dan lafadz. Di akhir setiap mushaf al-Quran telah dijelaskan berkaitan dengan tanda-tanda *waqf* yang diletakkan di dalam al-Quran (Abd al-Latif Fayiz Daryan 1999). Menurut pandangan pengkaji, tanda-tanda *waqf* yang terdapat di dalam ayat al-Quran ini harus dipatuhi dengan sebaiknya, supaya kesalahan dalam *waqf* dan *ibtida'* dapat dielakkan.

8. KESIMPULAN

Secara kesimpulannya kajian mendapati faktor utama bagi masalah kemahiran dalam *waqf* dan *ibtida'* dalam kalangan imam-imam masjid di Selangor berpunca dari sudut kurangnya dalam memahami *waqf* dan *ibtida'*. Dapat dilihat bahawa sebahagian para imam masih kurang menguasai kemahiran kosakata bahasa arab dengan baik, justeru menyebabkan kurangnya memahami keseluruhan makna ayat-ayat al-Quran. Selain itu, kurangnya dalam penguasaan tatabahasa arab menyebabkan seseorang itu sukar bagi mengenalpasti dengan lebih terperinci dan tepat berkaitan tempat-tempat *waqf* dan *ibtida'* yang terkandung di dalam ayat al-Quran. Tambahan pula, statistik menunjukkan sebahagian para imam kurang memahami dengan lebih mendalam berkaitan konsep-konsep *waqf* dan *ibtida'* khususnya dari sudut pembahagian *waqf* dan *ibtida'* serta wajah-wajah bacaan dalam al-Quran sebagai contoh kalimah "بِسْ الْأَسْمَاءِ الْحُسْنَى". Oleh yang demikian, dengan mengenalpasti masalah kemahiran *waqf* dan *ibtida'* di kalangan para imam khususnya di negeri Selangor, paling dapat tidak mampu memberi impak yang baik bagi meningkatkan penguasaan terhadap *waqf* dan *ibtida'* serta membantu para imam dalam penambahbaikan bacaan mereka melalui kursus-kursus, seminar atau kelas pada masa akan datang.

Menjadi suatu kemestian kepada semua pembaca al-Quran untuk menguasai kaedah bahasa Arab supaya hukum *waqf* dan *ibtida'* dapat dijaga. Kewajipan mengetahui dan menguasai kaedah bahasa Arab ini amat perlu dikuasai oleh para imam supaya bacaan al-Quran dapat dilakukan dengan sempurna dan tidak berlaku kesalahan pembacaan al-Quran, terutama ketika mengimami makmum dalam solat. Sekiranya imam tidak memahami kaedah bahasa Arab dengan baik, bagaimana mungkin untuk mereka menghentikan atau memulakan bacaan pada kalimah yang tepat dan sempurna. Tanpa kemahiran dalam ilmu ini, para imam akan menghentikan atau memulakan bacaan pada kalimah yang mempunyai keterikatan dari sudut tatabahasa Arab samada berkait dengan lafaz sebelumnya atau mempunyai ikatan dengan kalimah selepasnya.

Selain itu para imam juga menjadi rujukan masyarakat setempat dalam pembacaan al-Qur'an, terutama dalam kelas-kelas pengajian al-Quran yang dianjurkan oleh masjid-masjid di kariah masing-masing. Sekiranya para imam tidak mengetahui konsep *waqf* dan *ibtida'*, bagaimana mereka dapat menjelaskan permasalahan berkaitan dengan ilmu tajwid kepada masyarakat umum. Oleh itu, menjadi kemestian kepada setiap imam untuk memahami dan mengetahui dengan baik berkaitan dengan ilmu *waqf* dan *ibtida'*.

9. CADANGAN DAN HARAPAN TERHADAP PENAMBAHBAIKAN BACAAN PARA IMAM

Daripada hasil kajian dan penyelidikan pengkaji, menunjukkan para imam di Selangor memerlukan pemantapan dan penampaikan dalam penguasaan dan kemahiran mereka dalam ilmu *waqf* dan *ibtida'*, terutama bagi mereka yang berada dalam tahap yang lemah supaya dapat meningkat pada tahap sederhana, seterusnya tahap mahir. Hasil analisis mendapati 5 cadangan dipilih. Cadangan yang diberikan merangkumi pelbagai aspek iaitu dari sudut *talaqqi*, mengadakan kursus atau seminar, kelas *tahsin al-Quran*, perlu menguasai kaedah bahasa arab, perlu diteliti atau diperhalusi berkaitan *waqf* dan *ibtida'*, *tasmi'* dengan guru-guru yang pakar dan mempelajari *waqf* dan *ibtida'* dengan lebih mendalam seperti di bawah:

i. Talaqqi

Menjadi kewajipan kepada pihak pengurusan masjid untuk melaksanakan kelas pengajian *talaqqi* dan *musyafahah* kepada para imam dalam usaha memperbaiki kesalahan dalam ilmu *waqf* dan *ibtida'* mereka. Program ini boleh dilaksanakan secara individu atau secara berkumpulan di dalam kelas khusus. Untuk memahami metodologi ilmu *waqf* dan *ibtida'* dengan betul dan tepat, hendaklah berguru dengan guru-guru yang *mursyid* dan *muktabar* serta bersanad *sahih* hingga ke Rasulullah S.A.W. Walaupun kaedah terkini seperti menggunakan bantu kaset, MP3, telefon, komputer dan buku-buku rujukan teori tentang ilmu Tajwid, ia tetap tidak dapat menyaingi kaedah *talaqqi* dan *musyafahah* ini.

ii. Kursus dan Seminar

Pihak berwajib seperti pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) disarankam supaya memperbanyakkan program, bengkel ilmiah, ceramah umum dan seminar berkaitan kepentingan dalam menguasai ilmu *waqf* dan *ibtida'* ini.

iii. Kelas Tahsin Al-Qur'an

Pihak Pengurusan Masjid JAIS disarankan untuk mengadakan kelas *tahsin al-Qur'an* mengikut konsep dan disiplin asas dalam ilmu *waqf* dan *ibtida'* dan kaedah tatabahasa Arab. Semasa sesi berjalan, para guru akan menjelaskan berkenaan dengan konsep ilmu *waqf* dan

ibtida' ini dari sudut pembahagian *waqf* dan *ibtida'*, jenis *waqf* dan *ibtida'* dan tempat larangan untuk berhenti dan memulakan pembacaan al-Quran.

iv. Menguasai Kaedah Bahasa Arab

Para imam juga perlu menguasai bahasa arab dalam mengetahui tempat berhenti dan memulakan bacaan ayat al-Quran. Selain mengadakan kelas tahsin al-Quran, pihak pengurusan Masjid JAIS juga disarankan untuk mengadakan kelas bahasa arab. Semasa sesi berjalan, guru al-Quran perlu menekankan kemahiran dan penguasaan dalam *waqf* dan *ibtida'* berasaskan kaedah *'ilm al-Nahw*, kerana tidak akan sempurna satu-satu ayat sekiranya *waqf* pada *al-mudaf tanpa al-mudaf ilayh, al-rafi'* tanpa *al-marfu'* atau sebaliknya, *al-mansub* tanpa *al-nasib* atau sebaliknya, *al-mu'akkad* tanpa *al-ta'kid, al-ma'tuf* tanpa *al-ma'tuf ilayh, al-fa'il* tanpa *fīlnya* dan *al-sifah* tanpa *mausufnya* dan lain-lain lagi.

v. *Tasmi'* dengan guru-guru yang pakar

Imam-imam yang telah menghafaz al-Quran perlu bagi mereka untuk mentasmi' semula hafazan al-Qur'an dengan guru-guru yang pakar dalam bidang al-Qur'an.

10. RUJUKAN

Al-Qur'an al-Karim.

Abd al-Latif Faizuryani. 1999. *Al-Tabyin fi Ahkam Tilawah al-Kitab al-Mubin*. Birut : Dar al-Ma'rifah.

Abd al-Rahman al-Sa'di. 1420H. *Taisir al-Karim al-Rahman fi Tafsir Kalam al-Manan*.
Tahkik: Abd al-Rahman bin Mu'la. Mu'assasah al-Risalah.

Abdul 'Aziz bin Abdul Fattah al-Qari'. 2010. *Qawa'id al-Tajwid 'Ala Riwayat Hafs 'an 'Asim bin Abi al-Najud*. Mu'assasah al-Risalah.

Abdul Fattah b Said 'Ajmi. 1406H. *Hidayat al-Qari Ila Tajwid Kalam al-Bari*. Maktabah Tayyibah al-Madinah al-Munawwarah.

Abdul Fattah al-Qadi. 1999. *Tarikh Mashaf al-Syarif*. Tahkik: Isma'il bin Mohd Hassan. Abu 'Amr al-Dani. 2006. *Al-Muktafa fi al-Waqf wa al-Ibtida'*. Ulang Cetak. Tanta : Dar al-Sahabah li at-Turath.

Ahmad bin Muhammad 'Abd al-Karim al-Ashmuni. 2008. *Manar al-Huda fi Bayan al-Waqf Wal-Ibtida'*. Tahkik : Abdul Rahim at-Turhuni. Dar al-Hadis al-Qaherah Mesir.

Ahmad Farid Fadhli bin Mustafa. 2012. Tanda Waqf Dalam al-Quran al-Karim: Analisis Surah al-Kahfi Berdasarkan Rasm 'Uthmani. Disertasi Sarjana Pengajian Bahasa Moden. Universiti Malaya.

Azarudin Awang, Azman Che Mat & Ahmad Nazuki @ Marzuki Yaakub. 2011. Tahap Pembacaan Al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Di UiTM Terengganu. UITM Terengganu, Malaysia.

'Aliyullah b 'Ali Abu al-Wafa. 1424H. *Al-Qaul al-Sadid fi 'Ilm al-Tajwid*. Dar al-Wafa' al-Mansurah.

'Atiyyah Qabil Nasr. 2007. *Ghayat al-Murad fi 'Ilm al-Tajwid*. Qaherah: Maktabah al-Madinah al-Raqmiah.

Chua Yan Piaw. 2006. Kaedah Penyelidikan. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.

Creswell, J.W. 1998. Research design: Qualitative and quantitative approach. Thousand Oaks, CA: Sage Publication.

Farial Zakaria al-'Abd. 2005. *Al-Mizan fi Ahkam Tajwid al-Qur'an*. Dar al-Iman al-Qaherah.

Hussain bin Unang. 1994. *Qamus al-Tullab 'Arab-Melayu*. Kuala Lumpur : Dar al-Fikir.

Mahmud b 'Ali al-Misri. 2004. *Al-'Amid fi 'Ilm al-Tajwid*. Tahkik: Muhammad al-Sadiq Qamhawi. Dar al-'Aqidah al-Iskandariyyah.

- Mahmud Khalil al-Husari. 1999. *Ahkam Qiraat al-Qur'an al-Karim*. Makkah : al-Maktabah al-Makiyyah.
- Mahmud Sibawaih Al-Badwi. 1999. *Al-Wajiz fi 'Ilm al-Tajwid*. Tahkik: Bakar Muhammad Ibrahim. Dar Salah ad-Din Lil-turas.
- Mohd Rahim Jusoh. 2012. *Tajwid al-Huruf dan Mengenal Waqf*. Selangor: Pustaka Khadim al-Mushaf.
- Mohd Zainul Arifien bin Mohd Jaid. 2011. Kaedah Pengajaran Tilawah dan Hafazan al-Qur'an. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Majid. 2006. Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Muhammad b Muhammad Ibnu al-Jazari. 1998. *Al-Nasyr fi al-Qira'at al-'Asyr*. Tahkik: Ali Muhammad al-Diba'. Dar al-Kitab al-'Ilmiyah.
- Muhammad Syafee Salihin bin Hasan, Khairatul Akmal Ab Latif, Mahmud Lutfi bin Abd. Hadi & Ahmad Shahir Masdan. 2014. Kemahiran Waqf Dan Ibtida' Dalam Kalangan Pelajar Program Sarjana Muda Al-Qur'an Dan Alqiraat (Psmaa) Di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Kuis).
- Nurulhuda binte Mohd Hashim & Abd Rauf bin Hassan. 2013. Pengaruh Bahasa Arab Terhadap Kaedah Waqaf: Kajian Terhadap Ayat 25, 26 Dan 85 Dari Surah al-baqarah. Universiti Malaya.
- Raudat Jamal al-Hasri. 2005. *Al-Manhal al-Mufid fi Usul al-Qira'at wa al-Tajwid*. Dimashq : Dar al-Kalam al-Tayyib.
- Safwat Mahmud salim. 1424H. *Fath Rabb al-Bariyyat Syarah al-Muqaddimah al-Jazariyyah fi 'Ilm al-Tajwid*. Dar Nur al-Maktabah, Jeddah
- Salina Binti Sa'don. 2006. Persepsi Pelajar Tingkatan 2 Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Universiti 1 Terhadap Pembelajaran Tilawah al-Qur'an. Universiti Teknologi Malaysia.
- Shaharudin Pangilun. 2005. Kemahiran Waqf dan Ibtida'. "Kajian terhadap Guru-Guru al-Qur'an di Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan". Tesis Ma, Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Shams ad-din Abu al-Khair ibn al-Jazari. 1985. *Al-Tamhid fi 'Ilm al-Tajwid*. Tahkik: al-Doktor 'Ali Husain al-Bawab. Maktabah al-Ma'arif, al-Riyadh.
- Sofiatun. 2011. Studi Korelasi Antara Pemahaman Ilmu Tajwid Dengan Kemampuan Membaca Al-Qur'an Siswa Kelas Xi Man 1 Semarang Tahun Pelajaran 2010/2011. Fakultas Tarbiyah, Institut Agama Islam Negeri Walisongo, Semarang.
- Sulaiman Ngah Razali. 1996. Analisis Data Dalam Penyelidikan Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Surur Shihabuddin al-Nadawi. 2010. *'Ilm al-Tajwid Riwayat Hafs 'an 'Asim Melalui Tariq Asy-Syatibiyah*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn Bhd. Yayasan Islam Terengganu.al-Bari.
- Zakariyya al-Ansari. 2011. *Al-Muqtasid li Talkhis ma fi al-Mursyid fi al-Waqf wa al-Ibtida'*. Birut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.

Laman web

- www.mssaas.gov.my
www.islam.gov.my
www.masjidalamimpian.org
<http://ictmasjid.blogspot.my>